

# Majlis Fatwa selaras hukum

**N**ILAI: Proses penyelesaian dan pewartaan hukum antara negeri akan dapat dipercepatkan apabila Majlis Fatwa Kebangsaan diberi mandat mengemukakan isu memba-bitkan keselamatan, perpaduan dan perkara sensitif berkaitan Islam kepada mesyuarat pra Majlis Raja-Raja.

Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan, Prof Datuk Dr Abdul Shukor Husin (**gambar**), berkata ia membolehkan keputusan segera sesuatu hukum dibuat apabila isu dikemukakan lebih awal itu dapat dibincangkan pada persidangan Majlis Raja-Raja.

Beliau berkata, menerusi langkah terbaru ini, Majlis Fatwa dapat mengekalkan kredibilitinya dan menjamin kedudukannya terus relevan untuk memastikan umat Islam lebih jelas berhubung sesuatu hukum.

Katanya, kebiasaannya,



keputusan Majlis Fatwa berhubung hukum tertentu dibawa kepada Majlis Raja-Raja untuk mendapat perkenan ketua agama setiap negeri, sebelum negeri menggunakan enakmen agama masing-masing untuk mewartakan dan menguatkuasakannya.

“Kuasa Majlis Fatwa terhad kerana asasnya kuasa agama masih hak mutlak kerajaan negeri. Bagaimanapun kami sentiasa mencari kaedah terbaik untuk me-

nyelaraskan sesuatu hukum yang diputuskan di setiap negeri.

“Langkah untuk mempercepatkan proses penyelarasan hukum antara negeri ini adalah usaha terbaik kerana selain ketua agama, Majlis Raja-Raja juga dihadiri ketua menteri dan menteri besar iaitu pihak yang bertanggungjawab menentukan keputusan pewartaan dan penguatkuasaan hukum.

“Bagaimanapun, ada juga beberapa fatwa yang tidak perlu diwartakan, contohnya isu berkaitan perkara halal dan haram kerana perkara berkenaan memang jelas,” katanya kepada *Berita Harian* di sini, baru-baru ini.

Abdul Shukor berkata, langkah terbaru itu dijangka dapat mencapai matlamatnya kerana mesyuarat pra Majlis Raja-Raja dihadiri mufti, Jakim dan anggota Majlis Fatwa sebelum persidangan Majlis Raja-Raja berlangsung.